

BAB 3

IBN RUSHD DAN FALSAFAH SAINS

Pengenalan

Bab ini akan membicarakan keadaan dan suasana pemikiran yang berlaku sebelum kelahiran Ibn Rushd sebagai ahli falsafah yang telah menyentuh dalam tulisannya tentang falsafah sains. Pada zaman sebelum kelahiran Ibn Rushd terdapat beberapa aliran pemikiran yang sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada kehidupan masyarakat dan dunia keilmuan pada zaman selepas itu. Di antara pemikiran dan aliran tersebut adalah dalam bidang politik dan keagamaan. Begitu juga dalam bab ini akan dibicarakan pencapaian keilmuan oleh para sarjana dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang secara tidak langsung mengesani kehidupan masyarakat selepas itu. Selain itu, dalam bab ini juga akan mejelaskan kehidupan Ibn Rushd dalam dunia keilmuan khususnya falsafah sains.

3.1 Suasana Politik, Pemikiran dan Keilmuan Sebelum Ibn Rushd

Sejak tahun 1031M kerajaan Islam Sepanyol telah berpecah dan diperintah oleh ketua-ketua puak *Mulūk al-Ṭawā’if*. Keadaan negara Islam Sepanyol tidak stabil. Tidak ada kerajaan pusat yang menyelaras pentadbiran dalam erti kata sesungguhnya. Kerajaan *Bani Umayyah* yang dipimpin oleh *Hishām II* tahun 1009M sangat lemah untuk mengatasi keadaan itu. Bahkan *Bani Umayyah* menghadapi tentangan hebat dari para penduduk. Keadaan politik yang lemah ini berpunca terutama sekali daripada perpecahan di kalangan keluarga khalifah dan pembesar istana.⁴²⁶ Begitu juga halnya setelah kerajaan *Mulūk al-Ṭawā’if* memerintah, politik Sepanyol amat kacau. Hampir kesemua kerajaan *Mulūk al-Ṭawā’if* tidak bersatu malah berperang sesama sendiri. Matlamat mereka hanya mahukan kekuasaan dan mencapai kemenangan. Perpecahan pemimpin-pemimpin Islam di Sepanyol memberi kesempatan kepada orang-orang Kristian yang sekian lama menjadi musuh tradisi untuk mengukuhkan kedudukan mereka.

Apabila Toledo jatuh ke tangan Alfonso VI tahun 1085M bermulalah lembaran sejarah kewujudan kerajaan *al-Murābiṭūn* di Sepanyol. Kerajaan terakhir *Bani ‘Abbād* di bawah pimpinan *Al-Mu’tamid ibn ‘Ibād* yang memerintah Seville merasa tergugat. Beliau bersama pemimpin Granada

meminta bantuan kerajaan al-Murābiṭūn di Afrika Utara di bawah pimpinan Yūsuf ibn Tashfīn. Yūsuf dapat menewaskan Alfonso VI. Pada tahun 1088M Yūsuf diundang lagi.⁴²⁷ Serangan besar-besaran dilancarkan olehnya. Granada berjaya ditundukkan tanpa perang. Malah beliau berusaha untuk menguasai Sepanyol dari tangan Muliūk al-Tawā'if dan Kristian. Sehingga tahun 1090-an Cordova, Seville dan Granada di bawah kekuasaannya. Selanjutnya, Badajoz, Valencia dan Saragossa dikuasai oleh beliau. Setelah Yūsuf, kerajaan al-Murābiṭūn di Sepanyol mulai lemah. Kelemahan tersebut bermula dari pengganti Yūsuf iaitu anaknya yang bernama ‘Alī dan cucunya bernama Tashfīn. Tentera Kristian mendapat kemenangan dalam setiap pertempuran diikuti pula dengan kejatuhan daerah-daerah kekuasaan al-Murābiṭūn satu demi satu.

Ketika kerajaan al-Murābiṭūn hancur, Ibn Rushd yang tinggal di Cordova pada waktu itu berusia sembilan belas tahun. Suasana itu memberi pengalaman kepada dia dalam merentasi hidup di masa mendatang. Kerajaan al-Murābiṭūn di Sepanyol berkuasa dari tahun 1090M dan berakhir pada tahun 1145M. Kerajaan al-Murābiṭūn dikatakan terlalu fanatik dengan mazhab Mālikī. Hal ini menyebabkan pengikut mazhab-mazhab lain merasa tertekan. Kitab al-Ghazālī *Iḥyā’ ‘Ulūm ad-Dīn* yang tersebar luas waktu itu dibakar di halayak ramai. Qāḍī Cordova mengeluarkan fatwa mengharamkan kitab

tersebut kerana mempunyai unsur-unsur *bid'ah* dan dikenakan hukuman bunuh kepada sesiapa yang membacanya.⁴²⁸ Peristiwa pembakaran kitab al-Ghazālī itu disaksikan juga oleh Muḥammad ibn ‘Abdullāh Tūmārt pengasas kerajaan al-Muwaḥḥidūn.⁴²⁹ Suasana begini melambangkan kepada kita betapa tertekannya golongan sarjana yang tidak sehaluan dengan pandangan pemerintah dalam memilih dan menganut mazhab. Kerana fanatik mazhab yang teramat kuat, sikap kasar, fanatik dan keras yang dimiliki pemimpin al-Murābiṭūn itu telah menyebabkan kebencian kebanyakan rakyat. Selain itu, ancaman musuh dari pihak Kristian menjadi-jadi. Para pemimpin dan pegawai kerajaan setelah mendapat kemewahan mengabaikan tanggungjawab sama ada terhadap negara, agama maupun rakyat. Mereka telah melupakan diri mengenai asal-usul mereka dari satu kumpulan perjuangan untuk menegakkan kalimah Allah dan agama Islam.⁴³⁰ Kesemua inilah yang membawa kepada kejatuhan kerajaan al-Murābiṭūn dan seterusnya digantikan dengan kerajaan al-Muwaḥḥidūn di Sepanyol.

Berikutnya, kekuatan al-Muwaḥḥidūn di bawah pimpinan ‘Abd al-Mu’min yang berpusat di Maghribī dapat mendirikan sebuah empayar untuk menggantikan kerajaan al-Murābiṭūn pada tahun 1145M.⁴³¹ Pada zaman pemerintahan Abū Ya‘qūb, Seville dan Toledo jatuh ke tangan al-Muwaḥḥidūn. Selanjutnya pada zaman Abū Yūsuf Ya‘qūb yang bergelar al-

Mansūr dapat membina bandar Bougie dan meneruskan operasinya ke Portugal. Setelah beberapa kali pihak Kristian mengalami kekalahan perjanjian damai ditandatangani antara al-Muwahhidūn dan tentera Kristian di bawah pimpinan Alfonso VIII. Dalam tempoh ini, pihak Kristian memperkuuhkan kedudukan dan menyediakan bala tentera dengan membuat penggabungan antara orang-orang Kristian di Sepanyol dan negara-negara Eropah dalam menghadapi Islam di Sepanyol. Abū Yūsuf meninggal sebelum tempoh perjanjian damai tamat. Beliau digantikan oleh anaknya Muḥammad yang bergelar al-Nāṣir. Kerana pemerintahannya lemah, maka dengan mudah al-Muwahhidūn dapat dikalahkan. Pada 1212 tentera salib yang datang dari Castile Leon, Navarra dan Aragon menyerang wilayah-wilayah Islam, sehingga kira-kira tahun 1235 dikatakan semua pemimpin al-Muwahhidūn dapat disingkirkan oleh pihak Kristian dari bumi Sepanyol dan hampir seluruh Sepanyol dikuasai oleh mereka kecuali Granada yang masih dikuasai oleh Bani Alḥmar (Naṣr) dan beberapa daerah kecil di Selatan Sepanyol dikuasai oleh Bani Hüd.⁴³²

Kerajaan al-Muwahhidūn yang didirikan atas dasar membasmi kemungkaran terutama memerangi mazhab al-Mujassimah⁴³³ tidak mendapat sokongan padu daripada para ulama dan penduduk yang bermazhab Mālikī. Mereka adalah golongan yang tidak bermazhab. Malah mereka tidak mencari

satu alternatif baru dalam memberi kefahaman kepada rakyat mengenai hukum-hakam dan bermazhab. Tumpuan al-Muwahhidūn mengenai hukum-hakam hanya al-Quran dan al-Sunnah dalam menegakkan *shari'ah* Islam. Falsafah hukumnya adalah menegakkan *al-ma'rūf*, mencegah *al-munkar* dan berzuhud di dunia.⁴³⁴ Hal ini menyebabkan perpecahan pemikiran rakyat. Sebahagian rakyat menganut aliran pemikiran mazhab Mālikī yang sentiasa didukung oleh musuh al-Muwahhidūn iaitu al-Murābiṭūn. Sebahagian lain mengikut pemerintah, bebas dari mazhab seperti ajaran al-Muwahhidūn. Sauasana masyarakat tidak tenteram. Masyarakat Sepanyol waktu itu terbahagi dua kelompok yang ekstrem. Hal ini menggugat kelancaran pentadbiran negara al-Muwahhidūn. Ibn Khalīkān menyebutkan bahawa al-Muwahhidūn memaksa para hakim untuk meninggalkan masalah *furiū'* dan harus memberi fatwa berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah di samping meninggalkan pendapat-pendapat Imām Mujtahid yang lain. Hukum boleh dikeluarkan melalui *al-ijmā'* dan *al-qiyās* tetapi berdasarkan pendapat mereka. Mereka pada sesuatu ketika menjatuhkan hukuman bunuh ke atas pemminum arak dan pekerja-pekerja yang bersyubhat dengannya.⁴³⁵ Dalam pada itu, penduduk Sepanyol masih meragukan doktrin pemimpin-pemimpin al-Muwahhidūn sebagai Imām al-Mahdi. Gelaran ini adalah suatu yang istimewa buat al-Muwahhidūn, bermula dari Muḥammad ibn ‘Abdullāh Tūmārt (m. 524H/1130M).⁴³⁶ Hal ini menyebabkan suasana masyarakat terbentuk menjadi dua kelompok iaitu

kalangan pemerintah dan pegawai kerajaan yang dihormati sebagai putera-putera al-Mahdi dan golongan bawahan iaitu rakyat jelata yang tidak mempunyai keistimewaan. Kesemua yang dibicarakan ini adalah sebab-sebab dalaman yang menjadi bibit keruntuhan al-Muwaḥḥidūn di Sepanyol di samping sebab luaran iaitu tentera salib yang bertambah kuat.

Perkembangan dan kemerosotan bidang politik di Sepanyol sebelum kemunculan Ibn Rushd, kelihatannya tidak menghalang kemunculan dan kemajuan dalam bidang ilmu pengetahuan dan pemikiran. Perkembangan ini tidak berhenti walaupun dalam masa krisis akibat kekacauan politik dan pecah belah. Inilah yang memungkinkan Sepanyol berkembang menjadi sebuah negeri yang makmur lebih makmur daripada kawasan-kawasan lain. Setelah tentera Kristian dapat dikalahkan, pada zaman Yūsuf ibn Tashfīn, muncul seorang failasuf iaitu Ibn Bājjah (m. 533H/ 1138M) atau dipanggil oleh orang Barat sebagai Avenpace atau Avempace.⁴³⁷ Beliau adalah guru kepada Ibn Rushd.⁴³⁸ Walaupun al-Murābiṭūn dan para ulama sangat fanatik terhadap fahaman mazhab Mālikī yang anti falsafah,⁴³⁹ namun faham falsafah Ibn Bājjah tetap berkembang. Ibn Bājjah seorang sarjana yang lahir di Saragossa mahir dalam bidang perubatan, fizik dan astronomi.⁴⁴⁰ Ibn Bājjah berpengetahuan luas, hafal al-Quran dan mahir dalam memetik gambus.⁴⁴¹ Ketika beliau berada di Fez, beliau difitnah sebagai ahli *bid'ah*. Malah semasa

di Shatibah beliau dipenjarakan oleh Amīr Abū Ishāq Ibrāhīm ibn Yūsuf ibn Tashfīn. Menurut M.M. Sharif beliau dibebaskan atas permintaan Ibn Rushd.⁴⁴² Sehingga akhirnya beliau berhasil dibunuh oleh orang-orang yang taksub dengan diracun pada bulan Ramaḍān 533H/ 1138M di Fez.⁴⁴³ Walhasil situasi fitnah memfitnah mengenai isu *bid'ah* bermaharaja lela waktu pemerintahan al-Murābiṭūn tidak terkecuali di bawah pimpinan Amīr Abū Bakr Yaḥyā ibn Yūsuf ibn Tashfīn yang menyebabkan kekacauan sehingga gabenor di daerah-daerah taklukan al-Murābiṭūn dapat mengambil kesempatan untuk memerdekaan diri dari kerajaan pusat.

Walaupun demikian, yang anehnya bidang-bidang keilmuan terus berkembang. Ibn Bājjah adalah orang yang bertanggungjawab dalam masalah ini. Beliau adalah orang yang memperkembangkan falsafah di Sepanyol waktu Islam memerintah di situ.⁴⁴⁴ Sebelum itu, pada zaman Ḥakam II pemerintahan Banī Umaiyyah, falsafah telah mula bertapak di Sepanyol. Tetapi tidak sehebat zaman Ibn Bājjah. Seorang ahli matematik Sepanyol bernama Maslamah ibn Ahmad al-Mārijī bertanggungjawab dalam menyebar ilmu ini melalui pemikiran Ikhwān al-Ṣafā. Sebahagian salinan naskhah *Rasā'il Ikhwān al-Ṣafā* yang terdapat di Eropah dianggap berasal daripada beliau.⁴⁴⁵ Menurut al-Qādī Sa'īd bahawa Abū al-Ḥakam 'Amrū ibn Ahmad ibn 'Alī bergelar al-Karmānī (m. 459H /1066M) adalah orang pertama yang membawa masuk *Rasā'il*

Ikhwān al-Ṣafā ke Sepanyol. Beliau berasal dari Cordova pergi ke Timur dan belajar ilmu perubatan dan matematik di Harrān. Sekembalinya ke Sepanyol beliau menetap di Saragossa. Beliau membawa bersamanya naskhah *Rasā'il Ikhwān al-Ṣafā*. Beliau meninggal di Saragossa tahun 450H / 1063M ketika berusia lapan puluh tahun atau lebih sedikit.⁴⁴⁶ Walau bagaimanapun dapat dipastikan bahawa Ibn Bājjah sempat mempelajari pemikiran *Ikhwān al-Ṣafā* hasil penyebaran naskhah tersebut. Selain itu, Abū Ḥasan ‘Alī ibn Imām murid kepada Ibn Bājjah juga disebut-sebut sebagai failasuf ketika itu. Sebelum Ibn Bājjah juga terdapat seorang failasuf yang terkenal iaitu Sulayman ibn Yahyā ibn Jabirūl (m. 450H/1058M). Beliau juga dikenal dengan nama Solomon ben Gabirol atau Avicebron dan Avicebrol. Beliau seorang Yahudi, kepada beliaulah dipertanggungjawabkan dalam penyebaran faham Neo-Platonisme sehingga beliau digelar sebagai Plato Yahudi. Buku beliau yang bertajuk *Yanbū' al-Ḥayāh* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dengan tajuk *Fon Vitae* pada tahun 545H/1150M.⁴⁴⁷ Seorang pemimpin Saragossa yang bernama al-Amīr al-Muqtadir ibn Hūd yang memerintah Saragossa tahun 438H/1046M hingga 474H/1081M yang bergelar al-Shāqandī juga disebut sebagai failasuf.⁴⁴⁸ Hal ini menunjukkan bahawa Saragossa pada waktu itu adalah tempat tumbuh dan berkembangnya ilmu falsafah. Sehingga putera al-Shāqandī yang bernama al-Mu'tamin (m. 478H) adalah pendukung ilmu-ilmu rasional.⁴⁴⁹

Selain itu, Sebelum Ibn Rushd, terkenal Ibn Ṭufayl (m. 581H/1185M) juga adalah seorang yang aktif dalam bidang falsafah waktu itu di Sepanyol. Dalam rangka pemikiran rasional, Ibn Ṭufayl mengatakan bahawa manusia dengan akal murni mampu mencapai pengetahuan dari alam tertinggi tanpa *shara'*, tetapi pengetahuan tersebut amat memerlukan *shara'* dalam penyempurnaanya.⁴⁵⁰ Ibn Ṭufayl adalah sahabat karib Ibn Rushd sekaligus menjadi muridnya. Seorang yang tidak kalah pentingnya dalam bidang falsafah sebelum Ibn Rushd adalah Muḥammad ibn ‘Abdullāh ibn Masarrah yang terkenal kerana menganut ajaran Pseudo-Empedoklesme iaitu satu ajaran yang menggabungkan teori-teori Empedokle dengan Neo-Platonisme. Menurut al-Qādī Sa‘īd bahawa Muḥammad adalah seorang sufi Bāṭīnī. Kerana dituduh *bid'ah* beliau pergi ke Timur dan tertarik dengan ajaran Mu‘tazilah. Namun demikian, akhirnya beliau kembali ke tanah airnya dan hidup sebagai seorang *zāhid*.⁴⁵¹

Ilmu Syair juga berkembang waktu itu. ‘Alī ibn Alḥmad yang terkenal dengan gelaran Ibn Ḥazm (944-1064M) adalah seorang ahli teologi dan penyair al-Andalūs. Buku mengenai syair-syair cinta bertajuk *Tūq al-Ḥamāmah* adalah karang beliau. Antara penyair terkenal waktu itu adalah Amanār (1031-1083) dan Ibn Ḥamdis (1055-1132).⁴⁵² Pada zaman ini juga muncul cerita-cerita sastera seperti buku *al-Tawābi’ wa al-Zawābi’* oleh Abū

‘Āmir ibn Shuhaiyd (992-1035). Juga buku cerita yang terkenal abad pertengahan berdasarkan pemikiran falsafah iaitu *Hayy ibn Yaqzān* oleh failasuf Ibn Ṭufayl (m. 1185M).⁴⁵³

Ilmu agama juga turut berkembang pada zaman sebelum Ibn Rushd hasil kegigihan Ibn Ḥazm. Beliau pada mulanya bermazhab Mālikī kemudian bermazhab Shāfi‘ī. Selain menulis dalam bidang teologi dan sastera, beliau juga banyak menulis tentang *fiqh al-Shāfi‘ī* di samping memperdalam kitab-kitab hadis. Pada tahun 1027 beliau tertarik pula dengan mazhab Zāhiri yang diasaskan oleh Dāwūd al-Isfahānī (m.884M). Sejak itu, di Sepanyol terkenal dengan mazhab ini. Ibn Ḥazm berusaha mempopularkan mazhab Zāhiri ini menerusi kitab-kitab karangannya, khususnya dalam bidang teologi. Selain itu, tulisan-tulisan Ibn Ḥazm mengenai bahasa kebanyakannya telah mempengaruhi ahli-ahli sastera Sepanyol. Antara buku beliau yang terkenal adalah *Kitāb al-Faṣl fī al-Milal wa al-Nihāl* yang membicarakan doktrin-doktrin Kristian, Yahudi dan lain-lain di samping Islam.⁴⁵⁴ Selain Ibn Ḥazm, terkenal waktu itu seorang ahli hadis yang bernama Ibn ‘Abd al-Barr (978-1070M). Beliau pernah dilantik menjadi hakim di Lisbon. Antara buku karangan beliau yang paling terkenal adalah *al-Isti‘āb li al-Ṣahābah*.⁴⁵⁵

Perkembangan pemikiran mazhab juga berlaku sebelum Ibn Rushd.

Mazhab Mālikī yang bertapak di Sepanyol, menggantikan mazhab al-Auzā‘ī. Selain Ibn Ḥazm, mazhab Mālikī dikembangkan melalui buku-buku yang ditulis oleh dua orang *fuqahā'* dari Qairawān iaitu ‘Isā ibn Dīnār (m. 212H/827M) yang menulis 12 jilid buku dan Yahyā ibn Yahyā al-Laythī (m. 232H/847M). Amīr al-Hakam I (180-206H/ 798-822M) menetapkan buku-buku yang ditulis kedua *fuqahā'* tersebut menjadi sebuah kodifikasi hukum sebagai pegangan para hakim. Ditambah lagi dengan buku yang ditulis oleh al-‘Utbī (m. 256H/869M) yang menjadi pengukuh kepada buku-buku mazhab Mālikī yang ditulis terdahulu, maka menjadi lengkaplah kodifikasi hukum mazhab Mālikī di Sepanyol.⁴⁵⁶ Selain mazhab Mālikī, mazhab Shāfi‘ī juga turut berkembang di Sepanyol sebelum zaman Ibn Rushd. Antara tokoh mazhab Shāfi‘ī yang aktif ketika itu adalah Baqī‘ ibn Makhlad (m. 280H/889M). Beliau aktif di Cordova dalam menyiaran mazhab Shāfi‘ī di bawah perlindungan Muhammad I (238-273H/852-886M).⁴⁵⁷ Demikian juga mazhab Zāhiri yang dipopularkan oleh Ibn Ḥazm. Walaupun tidak panjang usia mazhab ini, tetapi mendapat kedudukan yang baik. Selain Ibn Ḥazm sebagai pendukung mazhab Zāhiri ini, terkenal al-Munzir ibn Sa‘id al-Balūṭī (m. 356H/966M) yang menjadi hakim di Cordova sejak tahun 340H/950M hingga meninggal dalam usia 82 tahun. Walau bagaimanapun mazhab utama yang menjadi pegangan di Sepanyol adalah mazhab Mālikī waktu itu.⁴⁵⁸

Ilmu sejarah juga berkembang sebelum zaman Ibn Rushd. Antara ahli sejarah terkenal adalah hakim Toledo yang bernama Sa'īd (m. 1070). Beliau menulis sejarah dunia yang telah diterjemahkan ke bahasa Perancis bertajuk *Livre Des Categories Des Nations*.⁴⁵⁹ Begitu juga Abū Bakr ibn 'Umar (m. 369H/977) yang lebih dikenal dengan Ibn al-Qutiyah adalah seorang sejarawan ulung Sepanyol. Antara tulisan beliau yang termasyur ialah buku *Tārikh Ifritāḥ al-Andalūs*. Dikatakan juga bahawa Ibn al-Qutiyah adalah seorang ahli tata bahasa Arab.⁴⁶⁰ Begitu juga Abū Marwān Ḥayyān ibn Khalāf (m. 469H/1076M) seorang sejarawan yang mengarang buku *al-Mātin* sebanyak 60 jilid.⁴⁶¹

Selain sejarah, ilmu geografi juga berkembang di Sepanyol sebelum zaman Ibn Rushd. Abū 'Ubaiyd 'Abdullāh ibn 'Abd al-'Azīz al-Bakrī adalah sarjana yang paling awal menulis mengenai ilmu bumi. Beliau menulis buku *al-Masālik wa al-Mamālik*.⁴⁶² Abū 'Abdullāh Muḥammad ibn Muḥammad al-Idrīsī (m. 562H/1166M) juga seorang ahli geografi terkenal. Beliau membuat peta dan lapisan-lapisan atmosfera yang dilukis di atas kertas kepingan perak berbentuk cakra⁴⁶³ untuk kegunaan ilmu geografi.

Ilmu Astronomi dan matematik juga tersebar dengan luas di Sepanyol sebelum zaman Ibn Rushd. Antara tokoh ilmu tersebut ialah Abū al-Qāsim

Maslamah al-Majritī (m. 398H/1007M) dari Cordova. Beliau dapat memperbaikki daftar *zij* yang ditulis oleh Muhammad ibn Mūsā al-Khawārizmī (m. 236H/850M). Dalam bidang matematik beliau mendapat julukan sebagai *al-hāsib* kerana dianggap ketua dalam bidang itu.⁴⁶⁴ Selain al-Majritī, Abū Ishaq Ibrāhīm ibn Yaḥyā al-Zarqalī (m. 480H/1087M) dari Toledo adalah seorang ahli dalam bidang astronomi dan geografi. Beliau menyusun daftar Toledo yang memuatkan singkatan-singkatan informasi geografi berasal dari Ptolomeus dan al-Khawārizmī. Begitu juga Jābir ibn Aflāh (m. 535-545H/1140-1150M) penulis *Kitāb al-Hai'ah*.⁴⁶⁵

Dalam bidang perubatan pula terkenal ‘Abdullāh ibn Alīmad ibn al-Baitar pengarang kitab *al-Mughnī fī al-'Adawiyyah al-Mufradah* yang membahas mengenai ubat-ubatan. Sebuah buku lagi, karangan beliau yang terkenal ialah *al-Jāmi' fī al-'Adawiyyah al-Mufradah* iaitu himpunan cara-cara perubatan yang bahannya diambil dari tumbuh-tumbuhan, binatang dan mineral. Begitu juga Abū Qāsim Khalaf ibn ‘Abbās al-Zahrāwī atau Abucasis (m.404H/1013M) doktor al-Hakam II dan Abū Marwān ‘Abd al-Mālik ibn Abī al-‘Alā atau Ibn Zuhr atau Avenzoar (m. 558H/1162M) seorang doktor dan menteri kepada ‘Abd al-Mu’min al-Muwahhidūn juga terkenal waktu itu.⁴⁶⁶

Ilmu muzik juga berkembang sebelum Ibn Rushd. Abū al-Ḥasan ‘Alī

ibn Nāfi‘ yang bergelar Ziryāb murid kepada Ishāq al-Mawṣūlī di Baghdād adalah seorang ahli muzik yang terkenal. Tidak juga dilupakan Abū al-Qāsim ‘Abbās ibn Finās (m. 273H/888M) adalah seorang yang mempopularkan muzik Timur di Sepanyol. Beliau juga seorang penyelidik yang hasil penyelidikannya menemukan pembuatan kaca dari bahan batu. Beliau juga orang yang pertama melakukan percubaan terbang, alat terbangnya ialah sebuah pakaian yang diperbuat dari kulit dengan bersayap dan telah mampu menerbangkannya dalam jarak yang cukup jauh.⁴⁶⁷

Pada waktu sebelum Ibn Rushd bahasa Arab telah menjadi bahasa penyatuan seluruh rakyat. Orang-orang *al-Muwalladūn* atau *Muladies*⁴⁶⁸ dan orang-orang *al-Musta‘rabūn* atau *Mozarab*⁴⁶⁹ menggunakan bahasa Arab dalam percakapan sehari-hari mereka, walaupun masih ada sebilangan kecil menggunakan dialek Romano. Kelihatannya waktu itu Orang-orang Mozarab termasuk pegawai-pegawai gereja mengadaptasi peradaban muslim dalam kehidupan sehari-hari mereka. Mereka mempunyai dua nama. Satu nama Kristian dan yang satu lagi nama Arab⁴⁷⁰ Islam. Inilah antara faktor yang memungkinkan lahir satu masyarakat majmuk yang aman, diikuti pula dengan pemerintahan yang adil dan saksama, tidak mengenal perbezaan agama mahupun keturunan⁴⁷¹ yang membawa Sepanyol ke mercu kejayaan dan kegemilangan tamadunnya terutama dalam bidang keilmuan sebelum zaman

Ibn Rushd.

Walau bagaimanapun pada zaman kerajaan al-Murābiṭūn, sebelum zaman Ibn Rushd tidak menampakkan kegemilangan dalam bidang seni bina berbanding dengan pemerintahan Bani Umaiyyah dan al-Muwahhidūn. Dalam keadaan politik tidak stabil menyebabkan keadaan ekonomi kurang menggalakkan. Oleh itu, pembangunan infrastruktur kelihatannya tidak banyak bertambah, tidak seperti yang terdapat pada zaman sebelum itu iaitu zaman pemerintahan Bani Umaiyyah.

Dengan penjelasan yang disebutkan itu, dapat kita pastikan bahawa sebelum zaman Ibn Rushd gerakan ilmiah amat memberansangkan di Sepanyol, walaupun terdapat beberapa gejolak politik yang kacau. Oleh itu, tidaklah menghairankan refleksi gerakan ilmiah itu menular sehingga ke zaman al-Muwahhidūn di mana Ibn Rushd adalah salah seorang dari pelopornya.

Salah satu faktor kecemerlangan Sepanyol pada zaman sebelum Ibn Rushd adalah disebabkan oleh pemerintahan Bani Umaiyyah yang dipimpin oleh al-Hakam II, bergelar al-Mustansir (350-366H/961-976M).⁴⁷² Menurut K. Hitti bahawa al-Hakam II adalah seorang ilmuwan yang terbilang jika

dibandingkan dengan khalifah-khalifah lain. Minat kepada ilmu pengetahuan yang sangat tinggi, menyebabkan beliau mengutus orang-orangnya menjelajah kesemua kedai-kedai buku di kota-kota negara Islam termasuk Iskandariah, Damshiq dan Baghdād untuk menyalin dan mendapatkan buku-buku tersebut dalam pelbagai bidang. Kerana itulah jumlah buku dalam perpustakaannya mencapai 400.000 naskhah.⁴⁷³ Di Cordova beliau mendirikan 27 buah sekolah secara percuma. Beliau memperluaskan Universiti Cordova yang terletak berkembar dengan masjid hingga taraf universiti tersebut setara dengan al-Azhar di Kaherah dan al-Nizāmiyyah di Baghdād. Pelajar-pelajarnya terdiri daripada orang-orang Islam dan bukan Islam yang datang dari pelbagai negeri termasuk Eropah dan Asia.⁴⁷⁴ Di samping Cordova, muncul universiti-universiti yang tidak kalah hebatnya seperti di Toledo, Seville, Malaga dan Granada. Hal ini menunjukkan bahawa minat ilmu pengetahuan di kalangan rakyat sebelum zaman Ibn Rushd amat tinggi. Meskipun begitu pada zaman Hishām II (976-1009M) penerus al-Mustansir timbul reaksi anti kepada ilmu-ilmu pengetahuan klasik ('ulūm al-awā'il) seperti ilmu *manṭiq*, astronomi, terutama falsafah. Keadaan ini menurut Fakhry, adalah sebagai suatu tindakan untuk memenangkan para ahli kalam yang dominan waktu itu, iaitu Ash'ariyyah dan masyarakat awam yang selalu membantah, tidak bersetuju tentang perkembangan ilmu-ilmu klasik tersebut.⁴⁷⁵ Kerana tidak berminat dan membenci golongan yang dianggap *zindiq*, Hishām II tanpa berfikiran terbuka

lantas melakukan pembakaran buku-buku tersebut atas nasihat Abī ‘Āmir al-Mu‘āfirī al-Qaḥṭānī. Bahkan beliau membongkar khazanah buku di perpustakaan bapanya dan mengumpulkan kesemua buku-buku klasik kecuali buku-buku perubatan, matematik, bahasa, sastera, *fiqh* dan *ḥadīth*. Beliau arahkan agar dibakar kesemua buku-buku tersebut kerana dikhawatir buku-buku itu akan membawa kepada pegangan *mulhid*. Hal yang demikian itu, menyebabkan kebangkitan ilmu pengetahuan pada zaman Hishām II tertekan, terutama kepada para failasuf dan cendekiawan.⁴⁷⁶ Begitu juga ketika ‘Alī ibn Yūsuf berkuasa yang mewarisi tahta bapanya Yūsuf Tashfīn, pergerakan ilmu pengetahuan klasik dan unsur-unsur yang seumpamanya disekat. Satu hal yang menarik perhatian, ketika ‘Alī meragui isi kandungan buku-buku al-Ghazālī, beliau memerintah agar kesemua buku-buku al-Ghazālī dibakar. Bahkan ‘Alī beranggapan bahawa buku-buku al-Ghazālī mengandungi unsur-unsur *zindiq*, kufur dan *mulhid*.⁴⁷⁷ Justeru itu, perkembangan ilmu falsafah agak perlakan. Kalaupun wujud para failasuf waktu itu, seperti Ben Gabirol, Ibn Bājjah dan lainnya, tidak dapat menzahirkan ilmu-ilmu falsafah mereka dengan cara terang-terangan. Waktu itu para failasuf yang aktif mengarang, mereka melakukannya dengan cara sembunyi-sembunyi.⁴⁷⁸ Keadaan seperti ini kelihatannya tidaklah sangat memberi dampak positif terhadap perkembangan ilmu pengetahuan klasik. Walaupun demikian, dapat digambarkan betapa keadaan politik waktu itu mempengaruhi secara langsung perkembangan ilmu

pengetahuan. Sebaliknya setelah zaman itu, kira-kira awal abad kesebelas ilmu pengetahuan klasik tersebut dibangkitkan kembali, lantas mendapat tempat di hati pemerintah dan masyarakat.

Dari sini dapat dipastikan bahawa zaman sebelum Ibn Rushd telah berjalan gerakan ilmiah. Gerakan tersebut berlalu kadang kala secara lambat dan kadang kala pula secara gencar. Hal ini dapat diperhatikan daripada suasana politik, terutama minat pemerintah. Soal-soal yang berhubung dengan ekonomi ada kalanya menjadi faktor kedua dalam kemunculan ilmu pengetahuan di Sepanyol ketika itu.

3.2 Kehidupan Ibn Rushd dalam Dunia Keilmuan

Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Rushd lahir pada tahun 520H/1126M beberapa bulan sebelum meninggal datuknya di Cordova, Ibu negeri Sepanyol. Beliau terkenal dengan gelaran Abū al-Walīd.⁴⁷⁹ Panggilan yang biasa disebut kepadanya adalah Ibn Rushd. Panggilan ini berasal daripada nama bapa datuknya, yang pertama kali datang dari Jazīrah Arab ke Sepanyol.⁴⁸⁰ Di Eropah beliau terkenal dengan nama Averroes. Nama ini terkenal dalam literatur Latin akhir abad pertengahan.⁴⁸¹ Ibn Rushd berasal dari keluarga yang mempunyai kedudukan tinggi di mata masyarakat Sepanyol.

Sepanyol. Bahkan keluarga yang terkenal dalam dunia ilmu pengetahuan. Datuknya yang bernama Muhammad seorang ahli *fīqh* dan hakim yang terkenal di Cordova. Begitu juga Ahmad bapa Ibn Rushd adalah juga seorang ilmuwan dan hakim. Tetapi, berbeza dengan bapa dan datuknya, Ibn Rushd suatu ketika pernah menjadi hakim di Seville. Ibn Rushd dibesarkan dari keluarga *fiqahā'* terbilang dalam mazhab Mālikī.⁴⁸² Oleh itu, tidaklah menghairankan bahawa Ibn Rushd terdidik dalam suasana keilmuan. Datuknya sendiri adalah seorang ilmuwan terbilang dalam bidang falsafah dan *fīqh*. Beliau mempunyai himpunan fatwa-fatwa yang disusun oleh pengikut-pengikutnya, terutama Ibn al-Warrān yang menjadi imam masjid Cordova.⁴⁸³

Sejak kecil Ibn Rushd dididik oleh bapanya sendiri dengan mengajar pelbagai jenis ilmu pengetahuan di rumah kediamannya. Pendidikan awal Ibn Rushd dimulai dengan mempelajari ilmu kalam mengikut konsep aliran Ash'ariyyah.⁴⁸⁴ Bahkan, menurut al-'Irāqī beliau sangat mendalam mengenai ilmu kalam yang dipelajarinya itu. Kerana beliau telah diasuh dan diperkenalkan terlebih dahulu dengan asas-asas yang mempunyai kaitan rapat unsur-unsur falsafah, maka dapat dipastikan bahawa itulah salah satu faktor yang menyebabkan Ibn Rushd tertarik dan berminat untuk mempelajari ilmu falsafah dan mazhab-mazhabnya setelah beliau dewasa.⁴⁸⁵ Kemudian setelah itu beliau menekuni bidang *fīqh* mazhab Mālikī.⁴⁸⁶ Setelah menekuni bidang

fiqh, Ibn Rushd belajar hadis dengan bapanya sendiri sehingga beliau dapat menghafal kitab hadis *al-Muwatta'* Imām Mālik.⁴⁸⁷ Selain bapanya, antara guru Ibn Rushd dalam bidang *fiqh* adalah Abū al-Qāsim ibn Bashkawāl, Abū Marwān Ibn Masarrah, Abū Bakr ibn Samḥūn, Abū Ja‘afar ibn ‘Abd al-‘Azīz dan Abū ‘Abdullāh al-Mazārī.⁴⁸⁸ Pernah juga Ibn Rushd belajar *fiqh* dengan Ibn al-‘Arabī (468-543H/ 1076-1148M)⁴⁸⁹ dan mempelajari ilmu *taṣawwuf* dengan Ibn ‘Arabī (560-638H/1165-1240M) yang lebih muda usianya daripada Ibn Rushd.⁴⁹⁰ Kemudian Ibn Rushd menjadi murid kepada Abū Ja‘afar Hārūn al-Tarjālī untuk mempelajari ilmu perubatan.⁴⁹¹ Beliau mahir dalam bidang ini. Diriwayatkan bahawa Ibn Rushd pernah belajar dengan Abū Marwān ibn Zuhr dalam bidang perubatan. Ibn Rushd sendiri menerangkan hal ini dalam bukunya *al-Kulliyāt*. Bahkan beliau mengajar mata pelajaran ini selama sembilan atau sepuluh tahun bermula pada tahun 548H iaitu sekembalinya ke Cordova setelah diundang oleh khalifah ke Maghribī ketika usianya 28 tahun.⁴⁹² Di samping ilmu perubatan, Abū Ja‘afar Hārūn juga mengajar beliau ilmu-ilmu falsafah.⁴⁹³ Setelah meningkat usianya, Ibn Rushd belajar ilmu falsafah dengan lebih mendalam melalui Ibn Ṭufayl. Ketika usia Ibn Rushd 61 tahun Ibn Ṭufayl meninggal dunia iaitu pada tahun 581H/ 1185M. Walaupun sejarah tidak mencatatkan bila Ibn Ṭufayl berada di Cordova untuk memberi pelajaran falsafah kepada Ibn Rushd, namun hal ini dapat dipastikan bahawa Ibn Rushd menjadi murid kepada Ibn Ṭufayl ketika beliau bersama-sama Ibn

Tufayl di Maghribī. Menurut Lutfī Jum'ah bahawa jika diperhatikan dengan saksama falsafah Ibn Rushd, pastilah tidak nampak perbezaan daripada prinsip-prinsip falsafah Ibn Bājjah dan Ibn Tufayl.⁴⁹⁴ Hal ini juga dapat membuktikan bahawa adanya pertalian konsep atau prinsip pendidikan antara Ibn Rushd, Ibn Bājjah dan Ibn Tufayl. Sebagaimana yang diketahui, bahawa Ibn Rushd juga mempelajari falsafah dengan Ibn Bājjah. Walaupun Ibn Rushd waktu itu berusia 12 tahun.⁴⁹⁵ Selain ilmu-ilmu yang disebut itu, Ibn Rushd juga mempelajari matematik, fizik, astronomi dan *manṭiq*. Tetapi guru Ibn Rushd tentang ilmu-ilmu tersebut tidak terkenal.⁴⁹⁶ Ilmu bahasa dan sastera juga turut dipelajari oleh Ibn Rushd. Menurut Abū al-Qāsim ibn Taylasān bahawa Ibn Rushd telah menghafal syair-syair Ḥabīb dan al-Mutanabbī.⁴⁹⁷ Malah beliau banyak menghafal syair-syair ‘Antarah, ‘Umru’ al-Qais, al-A‘shi, Abū Tamām dan al-Nābighah.⁴⁹⁸ Dengan penjelasan itu, ternyata bahawa Ibn Rushd adalah seorang yang mengetahui pelbagai bidang ilmu pengetahuan sama ada dalam bidang keagamaan mahupun keduniaan. Walau bagaimanapun sejarah tidak mencatatkan secara terperinci pada usia berapakah Ibn Rushd mula belajar. Namun demikian, dapat dipastikan bahawa beliau setelah menyelesaikan pelajarannya di rumah, di bawah bimbingan bapanya, Ibn Rushd melangkahkan kakinya ke pendidikan formal. Kemungkinan yang dapat diduga adalah ke pusat pengajian tinggi Cordova. Pusat pengajian ini didirikan oleh ‘Abd al-Rahmān III yang terletak di Masjid Cordova.⁴⁹⁹ Oleh

itu, tidaklah menghairankan jika beliau digelar sebagai seorang ulama sekaligus failasuf. Ilmu *fiqh* Ibn Rushd sangat mendalam. Buku *fiqh* beliau yang bertajuk *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid fi al-Fiqh*⁵⁰⁰ adalah satu-satunya buku pada zaman itu yang menjelaskan sebab-sebab perselisihan pandangan *fuqahā'* dalam semua masalah *fiqh* secara berturutan.⁵⁰¹ Dengan kehebatan Ibn Rushd dalam bidang *fiqh*, beliau dilantik menjadi hakim ke pelbagai daerah di Sepanyol.⁵⁰² Pada zaman khalifah Yūsuf ibn ‘Abd al-Mu’min beliau dilantik menjadi ketua hakim (*Qādī al-Quḍā'*) setelah menjadi hakim di Seville.⁵⁰³ Di sini dapat dilihat betapa sifat keilmuan beliau mempengaruhi pemerintah waktu itu.

Keluasan ilmu Ibn Rushd dalam bidang *fiqh* tidaklah mengurangkan keahliannya dalam bidang falsafah. Bidang falsafah adalah bidang yang sangat diminatinya sehingga beliau digelar sebagai komentator (*al-shāriḥ*) buku-buku Aristotle.⁵⁰⁴ Minat ini adalah hasil daripada pengetahuan beliau yang mendalam dalam bidang ilmu kalam, walaupun beliau dipelkenalkan pada awal pengajiannya dengan aliran Ash‘ariyyah. Seperti yang diketahui bahawa Ash‘ariyyah adalah aliran ilmu kalam yang menerima dalil-dalil falsafah dan *manṭiq* dalam menetapkan kepercayaan kepada Tuhan. Maka oleh itu, inilah yang memudahkan usaha beliau selanjutnya dalam mempertemukan ajaran agama dengan ilmu-ilmu falsafah yang berasal dari Yunani. Kerana terlebih

dahulu ditanam dan diasuh dengan ilmu ini, beliau berhasil melihat secara keseluruhan permasalahan ilmu kalam terutama yang menyangkut persoalan falsafah seperti yang diungkapkan dalam buku beliau *Tahāfut al-Tahāfut*. Dengan demikian, ilmu kalam adalah jambatan kepada Ibn Rushd dalam mengenal falsafah. Malah lebih mengesankan lagi, apabila beliau mendapat didikan secara langsung dengan failasuf Ibn Bājjah dan seterusnya setelah dewasa beliau sentiasa mendampingi dan belajar dengan failasuf Ibn Tufayl. Hal ini ditunjang pula dengan sikap pemerintahan al-Muwahhidūn. Walaupun pemerintahan al-Muwahhidūn cenderung kepada mazhab *Zāhirī*, tetapi sikap kerajaan ini terbuka dan tidak menyekat perkembangan gerakan ilmu pengetahuan terutama ilmu-ilmu klasik sama ada di Sepanyol sendiri maupun di Maghribī. Oleh yang demikian, Ilmu falsafah berkembang dengan pesatnya pada zaman awal pemerintahan al-Muwahhidūn. Malah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pihak pemerintah. Hal ini menyebabkan para ulama dan cendekiawan bermunculan di Sepanyol. Di sinilah munculnya karektor Ibn Rushd dalam arena falsafah. Ibn Rushd mula terkenal sebagai failasuf ketika beliau bersahabat rapat dengan failasuf Ibn Tufayl di Maghribī iaitu ketika khalifah ‘Abd al-Mu’mīn⁵⁰⁵ mengundang beliau ke Maghribī. ‘Abd al-Mu’mīn adalah seorang khalifah yang sangat *wara*‘ lagi mahir dalam ilmu-ilmu agama di samping minatnya terhadap buku-buku hikmah dan falsafah. Diriwayatkan bahawa Khalifah ‘Abd al-Mu’mīn ini, kerana minatnya dengan ilmu

pengetahuan, beliau berusaha mengumpulkan buku-buku dari segenap pelusuk Sepanyol dan Maghribī. Dikhabarkan juga bahawa beliau sentiasa mencari para ulama dan cendekiawan untuk membincangkan masalah-masalah ilmu pengetahuan.⁵⁰⁶ Malah hasil kegigihan ini, beliau dapat mengumpulkan kebanyakan buku-buku falsafah yang ada pada zamannya. Pada tahun 548H/1153M Ibn Rushd yang terkenal waktu itu diundang ke Maghribī untuk membantu khalifah mendirikan beberapa buah sekolah.⁵⁰⁷ Melalui Ibn Ṭufayl yang bekerja di istana sebagai doktor ketika itu, Ibn Rushd dipanggil ke istana membincangkan masalah-masalah ilmu pengetahuan. Diriwayatkan bahawa dalam suatu majlis ilmu, antara khalifah, Ibn Ṭufayl dan Ibn Rushd berlaku perbincangan mengenai *qadīm* dan *hadīthnya* alam ini.⁵⁰⁸ Pada ketika yang lain, ‘Abd al-Mu’min kerana berminat untuk membaca buku-buku falsafah karangan Aristotle tetapi merasa sangat sukar untuk memahaminya, beliau meminta bantuan Ibn Ṭufayl. Tetapi kerana Ibn Ṭufayl sentiasa sibuk dengan tugas hariannya dan diikuti pula beliau selalu uzur, Ibn Ṭufayl meminta Ibn Rushd untuk membantu khalifah dalam masalah ini. Ketika inilah Ibn Rushd mula melakukan penyelidikan dan mempelajari falsafah dengan lebih mendalam dan selanjutnya memberi komentar terhadap buku-buku karangan Aristotle. Walau bagaimanapun Ibn Rushd mula mengarang buku-buku falsafah ketika usianya 43 tahun. Buku-buku karangan beliau dalam bidang ini hanya bersifat komentar kepada falsafah Aristotle. Beliau memulakan

penulisan tersebut ketika berada di Seville iaitu ketika khalifah memberi tugas kepada beliau sebagai hakim tahun 565H/1169M.⁵⁰⁹ Sejak itu, selama masa 10 tahun berturut-turut sama ada di Seville, Cordova dan Maghribi Ibn Rushd menumpukan perhatian untuk menulis komentar falsafah Aristotle.⁵¹⁰ Di Seville Ibn Rushd sempat menulis komentar terhadap buku Aristotle yang bernama *Kitāb Ajzā' al-Hayawān* dan juga *Kitāb al-Tabī'ah*. Beliau hanya menetap selama 2 tahun sahaja di Seville. Setelah berlaku gempa bumi di Cordova pada tahun 566H beliau terus kembali semula ke Cordova dari Seville. Sekembalinya ke Cordova, Ibn Rushd memulakan lagi penulisan komentarnya.⁵¹¹ Dalam hal yang demikian, Ibn Rushd diberi kepercayaan oleh 'Abd al-Mu'min untuk menjalankan tugas-tugas khas khalifah dari satu daerah ke daerah yang lain di Sepanyol. Oleh itu, beliau sentiasa berulang-alik antara Maghribi, Seville⁵¹² dan Cordova. Walaupun demikian, Ibn Rushd tidak berhenti-henti menulis komentar Aristotle sehingga 'Abd al-Mu'min memanggil beliau pada tahun 578H/1182M ke Maghribi kali kedua untuk menggantikan Ibn Tufayl yang sangat uzur, sebagai doktor istana. Pada ketika itu juga beliau dilantik menjadi hakim Cordova menggantikan al-Qādī Abū Muhammad ibn Mughīth.⁵¹³ Walaupun dengan tugas yang begitu berat, Ibn Rushd masih mempunyai ruang untuk menulis komentar tersebut. Begitulah kesungguhan Ibn Rushd dalam mengabdikan dirinya kepada ilmu pengetahuan khususnya falsafah.

3.3 Fitnah dan Akhir Hayat Ibn Rushd

Ibn Rushd yang aktif menceburkan diri dalam bidang keilmuan itu, pada akhir-akhir hayatnya mendapat dampak negatif secara langsung dari suasana politik waktu itu. Beliau mengabdikan diri kepada masyarakat selama hampir setengah abad. Penghormatan yang tidak terhingga diperolehinya sama ada dari pihak pemerintah maupun masyarakat awam. Tetapi malangnya, ketika akhir-akhir hayat beliau, suasana berubah. Ibn Rushd yang dahulunya dianggap wira yang agong, ulama terbilang yang dihormati, kini tidak lagi. Beliau menghadapi penderitaan yang sangat pahit dengan pelbagai tuduhan dilemparkan ke atasnya sehingga dihadapkan ke mahkamah dan dihukum buang daerah. Ibn Rushd dituduh menghina khalifah, malah murtad dan kufur. Peristiwa ini dialami oleh beliau pada tahun 593H/1196M sewaktu berumur 73 tahun dan dua tahun selepas itu beliau kembali ke rahmatullah.⁵¹⁴

Semenjak dua tahun sebelum itu, iaitu tahun 591H/1194M Ibn Rushd merasa curiga kerana Khalifah al-Manṣūr bersikap tersangat baik dan tidak seperti biasa terhadap beliau. Sikap itu sebenarnya menunjukkan kelakuan negatif khalifah terhadap beliau. Hal ini sebenarnya berpunca dari fitnah beberapa orang pembesar istana yang selama ini cemburu terhadap kedudukan Ibn Rushd di mata masyarakat maupun khalifah. Diterangkan oleh Lutfī⁵¹⁵

Jum'ah bahawa antara musuh Ibn Rushd ialah al-Qādī Abū 'Āmir Yaḥyā ibn Abī al-Ḥusayn ibn Rabi', al-Qādī Abū al-Qāsim, Abū al-Ḥusayn, al-Qādī Abū 'Abdullāh dan al-Khāṭib Abū 'Alī ibn Hajjāj. Berkata al-Qādī Abū Marwān al-Bājī bahawa ketika al-Manṣūr ke Cordova untuk menghadapi tentera Alfonso pada tahun 591H beliau memanggil Ibn Rushd mengadap. Ibn Rushd diberi penghormatan yang luar biasa sehingga duduk berhampiran dengan khalifah iaitu di tempat duduk Abū Muḥammad 'Abd al-Wahid ibn al-Sheikh Ḥafs al-Ḥantantātī.⁵¹⁵ Hal ini menyebabkan rasa curiga Ibn Rushd. Pada suatu ketika apabila majlis ilmu diadakan, Ibn Rushd dalam perbicaraannya memanggil al-Manṣūr dengan, "Dengarlah wahai saudaraku!"⁵¹⁶ Apabila fitnah berlaku, ungkapan ini dijadikan alasan untuk menjatuhkan Ibn Rushd. Diriwayatkan bahawa ungkapan tersebut menyebabkan al-Manṣūr merasa terhina dengan panggilan itu.⁵¹⁷ Apabila diperhatikan, ungkapan itu adalah menjadi kebiasaan Ibn Rushd dalam berbicara dengan khalifah sebelum ini. Selain itu, Ibn Rushd telah menulis sebuah buku mengenai binatang-binatang. Disebutkan jenis-jenis binatang dan diberikan gelaran setiap binatang tersebut. Apabila Ibn Rushd menyebutkan zarafah dengan memberikan sifat-sifat binatang tersebut, beliau berkata bahawa aku lihat zarafah itu ada di sisi raja Barbar. Sedangkan apa yang ditulis oleh Ibn Rushd bukan Raja Barbar tetapi Raja Dua Daratan "*Mālik al-Barraiyn*" iaitu Sepanyol dan Maghribi. Ini juga adalah menjadi salah satu

faktor yang menyebabkan al-Manṣūr merasa dihina.⁵¹⁸ Walau bagaimanapun faktor yang lebih menyakinkan menurut sejarawan bahawa Ibn Rushd pernah menulis mengenai kepercayaan orang-orang dahulu yang di dalam tulisan beliau terdapat perkataan “Maka nyatalah bahawa planet *zahrah* adalah salah satu Tuhan.”⁵¹⁹ Sedangkan Ibn Rushd menyangkal kenyataan ini, kerana sebenarnya, beliau hanyalah menerangkan kepercayaan orang-orang dahulu kala bukan kepercayaan orang-orang Islam. Tetapi al-Manṣūr menolaknya. Selain itu, Ibn Rushd juga dituduh sebagai menentang al-Quran, kerana beliau pernah mengucapkan di dalam suatu majlis Abū Yahyā al-Manṣūr gabenor Cordova dengan perkataan “Demi Tuhan ! Apakah benar ada kaum ‘Ādd dahulu itu, selain dikatakan mereka musnah kerana angin taufan ?” Kenyataan palsu ini dibuat oleh Abū Muḥammad ‘Abd al-Kabīr yang memang membenci Ibn Rushd.⁵²⁰ Ibn Rushd menyangkal tuduhan palsu ini dengan hujah ilmu astronomi yang ia miliki, beliau mengatakan bahawa tidaklah akan berulang kedua kalinya aging taufan yang telah memusnahkan kaum ‘Ādd seperti yang terungkap dalam al-Quran ke atas Cordova.⁵²¹ Yang terakhir sekali adalah bertitik tolak dari tingkah laku Ibn Rushd yang lebih mendekati dan bergaul dengan orang-orang Yahudi, yang sangat dicurigai kesetiaan mereka kepada negara dan agama, di mana beliau dituduh bersekongkol dengan mereka, malah pada akhirnya beliau dianggap dari keturunan orang-orang Yahudi.⁵²²

Kerana fitnah ke atas beliau tersebar dengan meluas diikuti pula oleh hubungan yang kurang baik di mata pembesar-pembesar negara dan khalifah, al-Mansūr memanggil Ibn Rushd dan menghimpunkan kesemua pembesar-pembesar negeri, para ulama dan ilmuwan di Cordova untuk menghukum beliau. Tuduhan yang dikenakan itu bukan sahaja ke atas Ibn Rushd tetapi juga para ilmuwan yang berkecimpung dengan ilmu pengetahuan Yunani, mereka adalah Abū Ja‘afar al-Dhahabī seorang ulama *fiqh*,⁵²³ Abū ‘Abdullāh Muḥammad ibn Ibrāhīm seorang hakim di Jāyah, Abū al-Rabi‘ seorang ulama buta, Abū al-‘Abbās seorang ahli hadis dan penyair al-Qarābī.⁵²⁴ Tuduhan yang dilemparkan itu disangkal oleh Ibn Rushd. Namun ketika kesempatan untuk membela diri diberikan kepada beliau, Ibn Rushd tidak mengemukakan untuk membuat rayuan atau pembelaan, sedangkan dalam soal kehakiman dan pengadilan adalah bidang yang sangat dikuasainya.⁵²⁵ Ibn Rushd mendiamkan diri tanpa menunjukkan reaksi sedikitpun. Terdapat tiga keputusan hukuman yang dikeluarkan terhadap Ibn Rushd. Pertama, Ibn Rushd dan sahabat-sahabatnya, kerana ternyata bersalah mengelirukan kepercayaan orang-orang Islam dan menyebarkan ilmu-ilmu Yunani, dijatuahkan hukuman buang daerah ke sebuah kampung Yahudi di Lucena selama masa yang tidak ditetapkan. Sedangkan sahabat-sahabatnya ditahan di rumah masing-masing. Kedua, Seluruh rakyat dilarang membaca buku-buku karangan Ibn Rushd dan semua buku-buku Yunani. Buku-buku tersebut kesemuanya harus dibakar. Ketiga,

dikeluarkan arahan kepada semua rakyat untuk menyebarkan larangan ini.⁵²⁶ Kerana kesalahan yang dianggap besar dari pandangan pembesar-pembesar dan rakyat jelata, sehingga beliau dianggap murtad dan kufur, maka seharusnya beliau dihukum bunuh. Namun demikian, hal ini tidak terjadi di bawah pengadilan khalifah sendiri. Inilah sebenarnya salah satu sebab di mana pihak khalifah tidak dapat menunjukkan bukti-bukti kesalahan Ibn Rushd secara tepat. Dapat diandaikan bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas Ibn Rushd itu adalah bersifat sentemen belaka dari pihak khalifah yang menuduh secara tidak beralasan kuat.

Waktu Ibn Rushd dibuang daerah ke Lucena yang terletak kira-kira 50 kilometer sebelah Tenggara Cordova, ketika berusia 73 tahun, beliau disambut oleh muridnya Mūsā ibn Maimūn atau Maimunides.⁵²⁷

Peristiwa yang berlaku ke atas Ibn Rushd ini menunjukkan suasana politik dalam kerajaan al-Muwaḥḥidūn waktu itu tidak menentu. Antara pembesar-pembesar negeri berlumba-lumba menonjolkan diri untuk mendapatkan perhatian khalifah terutama para ulama *fiqh*. Peristiwa yang berlaku ini, kalau dilihat dari konteks suasana keilmuan dapat kita saksikan sebagai suatu pertarungan antara agama dan falsafah. Walaupun pada hakikatnya antara agama dan falsafah tidak bertentangan seperti yang

diungkapkan Ibn Rushd,⁵²⁸ namun hal ini boleh terjadi, disebabkan kedangkalan dalam memahami teks agama di samping ada unsur-unsur kepentingan peribadi dan sikap yang tidak terpuji. Jika dipandang dari segi pergolakan politik, ternyata kemenangan menyebelahi pihak *fuqahā'*. Sebenarnya, kemenangan itu bukan memberi kebaikan kepada umat Islam malah memberi dampak negatif. Dengan peristiwa itu, perkembangan ilmu pengetahuan yang dahulunya secara lancar berjalan, tetapi kini tersekat. Dapat diandaikan jika peristiwa ini tidak terjadi nescaya pertumbuhan tamadun dunia akan berlaku secara pantas di negara-negara Islam. Sebaliknya Eropah masih merangkak untuk menjalani hidup yang bertamadun.

Selain golongan *fuqahā'* yang dibicarakan itu, golongan ahli kalam turut juga menentang Ibn Rushd. Menurut Mahmūd Qāsim bahawa Ibn Rushd dalam misi falsafahnya adalah menyerang secara langsung mazhab-mazhab kalam terutama golongan Ash'ariyyah. Sementara kebanyakan para ulama adalah terdiri daripada penganut mazhab Ash'ariyyah yang sangat sukar menerima hujah Ibn Rushd dalam soal-soal ilmu kalam. Oleh sebab itu, mereka melihat bahawa Ibn Rushd yang memberikan pandangan ilmu kalam melalui falsafah adalah sesat, malah dapat memecah-belah masyarakat⁵²⁹ dan selanjutnya menggugat kepercayaan. Dengan sebab itu, dapat disaksikan pada hakikatnya di sini, sesungguhnya peristiwa ini berlaku pada mulanya bukanlah

disebabkan oleh kehendak khalifah tetapi adalah pertarungan antara mazhab Ash'ariyyah dengan falsafah. Di sini ternyata kemenangan menyebelahi mazhab Ash'ariyyah dan kekalahan di pihak falsafah.

Sifat fanatik pemerintahan al-Muwaḥhidūn juga adalah sebab terjadinya fitnah tersebut seperti yang dijelaskan oleh Munk, orientalis Perancis.⁵³⁰ Walau bagaimanapun tidak dapat diberikan penjelasan yang sahih mengenai sifat fanatik pemerintahan al-Muwaḥhidūn itu. Tetapi sebenarnya adalah sifat kurang usul periksa dan kelemahan peribadi khalifah dalam menangani fitnah itu. Sebagai contoh yang lain, disebutkan oleh Ibn Abī Uṣābi‘ah ketika menerangkan biografi Abū Bakr ibn Zuhr, bahawa Khalifah al-Manṣūr telah memerintahkan kepada Ibn Rushd untuk berhenti mengajar falsafah Yunani serta merampas dan membakar buku-buku tersebut.⁵³¹ Sifat peribadi al-Manṣūr adalah aneh. Beliau seorang pencinta ilmu pengetahuan dan keadilan di samping suka kepada kemajuan. Tetapi pada waktu yang sama beliau tidak keberatan untuk membunuh bapa saudara dan saudara kandungnya sendiri yang memberontak. Pada waktu yang sama juga beliau kasihkan penuntut-penuntut ilmu pengetahuan di samping pernah menyuruh untuk membakar buku-buku falsafah serta memerangi mazhab Mālikī yang berkembang di Afrika Utara dan Sepanyol. Menurut Ernest Renan pula bahawa sikap itu berpunca dari asas ideologi al-Muwaḥhidūn yang menjadi

pengikut setia ajaran al-Ghazālī dan anti falsafah. Sebagaimana yang diketahui bahawa pendiri kerajaan al-Muwaḥḥidūn ialah Muḥammad ibn Tūmārt al-Mahdī adalah seorang murid kepada al-Ghazālī.⁵³² Walau bagaimanapun, terdapat bukti yang banyak mengenai sikap kerajaan al-Muwaḥḥidūn yang meminati ilmu pengetahuan dan menggalakkan perkembangannya. Sejarah telah menyebutkan bahawa pemerintahan al-Muwaḥḥidūn adalah pencinta ilmu dan falsafah sejak mula terdirinya kerajaan ini.⁵³³ Oleh itu, bukan disebabkan wujudnya ideologi al-Ghazālī yang dianut oleh pemerintahan al-Muwaḥḥidūn atau sebab-sebab lain, tetapi adalah disebabkan kelemahan peribadi Khalifah al-Manṣūr sendiri yang mudah terpengaruh, cepat tersinggung, tidak usul periksa dan gopoh membuat keputusan. Dijelaskan oleh Luṭfī Jum'ah bahawa sifat al-Manṣūr ini adalah akibat daripada pengaruh kehidupan yang sangat buruk pada waktu kecilnya.⁵³⁴ Sikap ini juga dapat dilihat ketika Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī meminta bantuan al-Manṣūr dalam menghadapi tentera Salib. Surat yang dikirim kepada al-Manṣūr ditulis “*amīr al-muslimīn*” tidak “*amīr al-mu'minīn*” yang menyebabkan al-Manṣūr tersinggung dan lantas menolak permintaan Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī.⁵³⁵

Pada tahun 594H/1197M, setelah merasa insaf dan menyesal atas perbuatannya, al-Manṣūr menarik kembali hukuman yang dikenakan kepada Ibn Rushd dan mengundang beliau ke istana di Maghribī. Selanjutnya beliau

diizinkan pulang ke Cordova.⁵³⁶ Hukuman yang dikenakan terhadap Ibn Rushd hanyalah satu tahun sahaja. Ibn Rushd ketika itu dalam keadaan uzur dan selalu sakit-sakit. Sehingga setahun setelah itu, pada 11 Disember 1198M bersamaan 9 Safar 595H iaitu sebelum sebulan wafatnya al-Manṣūr, di kota Moroko ibu negeri Maghribī Ibn Rushd menghembuskan nafasnya yang terakhir.⁵³⁷ Usia beliau waktu meninggal ialah 75 tahun menurut hitungan tahun Hijrah dan 72 tahun menurut hitungan tahun Masihi.⁵³⁸ Berkata Ibn Farqād bahawa Ibn Rushd dikebumikan di Bāb Ṭaghāzawāt di Moroko. Setelah itu, jenazah beliau dibawa kembali ke Cordova dan disemadikan diperkuburan keluarganya.⁵³⁹ Ketika itu adalah awal pemerintahan Khalifah al-Nāṣir.⁵⁴⁰

Antara sebab-sebab al-Manṣūr menarik kembali hukuman tersebut diceritakan oleh Lutfī Jum'ah bahawa satu delegasi pemuka-pemuka Seville datang kepada al-Manṣūr memohon agar dibebaskan semula Ibn Rushd. Hal ini berlaku pada tahun 594H.⁵⁴¹ Al-Manṣūr setelah mendengar rayuan para delegasi itu merasa kesal terhadap perbuatannya lalu menarik kembali hukuman yang dijatuhkan ke atas Ibn Rushd. Menurut al-Marākishi setelah Ibn Rushd dimaafkan lantas al-Manṣūr membenarkan semula mempelajari ilmu falsafah⁵⁴² iaitu setelah banyaknya buku-buku falsafah yang dibakar dan dimusnahkan akibat hukuman yang dijatuhkan duhulu.

Walaupun hukuman telah ditarik kembali, namun akibat daripadanya amatlah memberi kesan negatif yang sangat mendalam terhadap perkembangan falsafah dan ilmu pengetahuan. Malah kesan yang paling ketara, seperti yang telah disebutkan bahawa dunia Islam agak lambat sedikit untuk mencapai kemajuan dalam bidang falsafah berbanding dengan dunia Barat. Hal ini kerana, falsafah zaman itu menjadi teras kepada perkembangan ilmu yang bercorak saintifik.